



SKIM PERLINDUNGAN TANGGUNGAN RISALAH MAKLUMAT

1. Apakah itu Skim Perlindungan Tanggungan (DPS)?

DPS merupakan skim insurans tempoh yang berpatutan, yang menyediakan sejumlah wang bagi ahli yang diinsuranskan serta ahli keluarga mereka untuk menampung keperluan beberapa tahun pertama, sekiranya ahli yang dilindungi meninggal dunia, mengalami penyakit yang membawa maut atau hilang seluruh keupayaan yang berkekalan. DPS adalah skim pilihan yang melindungi ahli CPF yang merupakan Warganegara atau Penduduk Tetap Singapura untuk jumlah maksimum sebanyak \$46,000 sehingga akhir tahun polisi apabila anda mencapai usia 60 tahun. Perlindungan ini meliputi seluruh dunia.

Pada masa ini, DPS ditadbirkan oleh dua syarikat insurans, Great Eastern Life dan NTUC Income. Skim ini dilanjutkan secara automatik kepada ahli CPF yang merupakan Warganegara atau Penduduk Tetap Singapura, berusia 21 hingga 60 tahun, apabila mereka melakukan sumbangan CPF yang pertama. Mereka yang berusia di antara 16 hingga 20 tahun boleh memohon untuk mendapatkan perlindungan DPS.

2. Perlukan saya membuat pengakuan kesihatan saya untuk perlindungan ini?

Ya, kelayakan bagi perlindungan DPS adalah berdasarkan kesihatan yang baik. Anda harus membuat pengakuan dan mendedahkan sepenuhnya maklumat berkeraan keadaan kesihatan anda, termasuk

- Semua penyakit yang pernah dihidapi dan sedang dihidapi;
- Sebarang pembedahan/rawatan/ujian perubatan yang telah anda jalani atau akan anda jalani; dan
- Sebarang kekurangan fizikal atau mental.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium tahunan anda adalah seperti berikut:

Umur (tahun)	Lelaki/Perempuan	<=34	35-39	40-44	45-49	50-54	55-59
Premium Tahunan		\$36	\$48	\$84	\$144	\$228	\$260

4. Bagaimana cara untuk saya membuat pembayaran premium?

Untuk kemudahan anda, premium akan ditolak daripada Akaun Biasa dan/atau Akaun Khas CPF ("akaun CPF") anda secara automatik setiap tahun. Ia hanya akan ditolak dari Akaun Khas anda jika dana di dalam Akaun Biasa anda tidak mencukupi.

Sekiranya simpanan CPF anda tidak mencukupi untuk bayaran premium bagi jumlah perlindungan sebanyak \$46,000, anda boleh diinsuranskan bagi jumlah yang lebih rendah (jumlah minimum yang dijamin ialah \$5,000) atau pun membayar bakinya secara tunai dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembaharuan polisi. Polisi anda akan tamat jika tiada premium dibayar.

5. Adakah saya akan dimaklumkan apabila perlindungan saya diperbaharui?

Surat pemberitahuan akan dihantarkan kepada anda sebulan sebelum tarikh pembaharuan anda. Tiada surat pemberitahuan lain akan diberi kecuali jika simpanan akaun CPF anda tidak mencukupi untuk bayaran penuh premium. Penyata tahunan CPF anda akan menunjukkan premium yang telah dibayar melalui akaun CPF anda.

Nota: Anda perlu melaporkan sebarang perubahan alamat kepada kami supaya anda boleh dimaklumkan tentang sebarang perubahan dalam status perlindungan DPS anda.

6. Apakah kriteria bagi membuat tuntutan?

DPS melindungi anda dan keluarga anda sekiranya anda meninggal dunia, atau apabila anda mengalami penyakit yang membawa maut atau hilang seluruh keupayaan yang berkekalan semasa tempoh polisi anda.

Penyakit yang membawa maut merujuk kepada penyakit yang disahkan oleh Doktor perubatan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perubatan dimana penyakit dijangka akan menyebabkan kematian dalam masa 12 bulan.

Hilang keupayaan secara keseluruhan yang kekal merujuk kepada hilang keupayaan untuk mengambil bahagian dalam sebarang bentuk pekerjaan secara kekal, atau kehilangan fungsi fizikal kedua-dua belah mata, dua anggota badan (kedua-dua tangan/kaki), atau sebelah mata dan satu anggota badan (sebelah tangan/kaki) secara kekal.

7. Apakah yang dikecualikan daripada tuntutan?

Faedah tuntutan tidak akan dibayar jika mana-mana kejadian berikut berlaku dalam tahun polisi pertama:

- (a) anda mencederakan diri sendiri atau membunuh diri;
- (b) anda melakukan kesalahan jenayah yang membawa hukuman mati; atau

- (c) tuntutan timbul daripada perbuatan jenayah yang sengaja anda lakukan.

Faedah tuntutan juga tidak akan dibayar jika:

- (d) anda mengalami penyakit yang serius, penyakit yang membawa maut atau hilang seluruh keupayaan yang berkekalan sebelum perlindungan bermula;
- (e) anda memberi maklumat palsu atau menyeleweng; atau
- (f) tuntutan anda timbul akibat perang, sebarang operasi yang mirip perang atau penyerangan dalam rusuhan.

8. Bagaimakah cara untuk saya membuat tuntutan?

(a) Kematian

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:

- (i) Borang tuntutan kematian (tersedia di laman web kami)
- (ii) Salinan sijil kematian yang diakui sah
- (iii) Surat daripada Pengguna Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) bagi kematian yang berlaku di luar negara
- (iv) Kad pengenalan dan bukti perhubungan pihak yang menuntut dengan si mati
- (v) Keratan akhbar dan/atau laporan polis bagi kematian akibat kemalangan
- Laporan perubatan, laporan bedah siasat dan/atau laporan toksikologi mungkin diperlukan.

(b) Penyakit yang membawa maut/hilang seluruh keupayaan yang berkekalan

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:

- (i) Borang tuntutan Hilang Upaya (tersedia di laman web kami)
- (ii) Kenyataan Doktor yang merawat (tersedia di laman web kami). Ini mesti dilengkapkan oleh doktor anda sebelum diserahkan kepada kami
- (iii) Resit yuran laporan kesihatan Doktor yang merawat (kami akan membayar balik yuran ini kepada anda setelah menerima tuntutan)
- (iv) Semua keputusan ujian makmal yang ada

Jika ada dokumen lain yang diperlukan, kami akan memaklumkan pada pihak yang menuntut.

9. Siapakah yang akan menerima faedah tuntutan yang diluluskan?

Bagi tuntutan kematian, jika anda telah membuat penamaan waris untuk DPS, atau mempunyai wasiat yang dimaklumkan kepada kami, pewaris anda mengikut penamaan waris atau wasiat (yang mana berkuat kuasa pada tarikh yang kemudiannya) akan menerima faedah tuntutan. Sekiranya tiada penamaan waris atau wasiat dibuat, faedah tuntutan akan dibayar kepada pihak tuntut yang sebenar iaitu sama ada pentadbir harta atau ahli keluarga si mati, seperti suami, isteri, ibu bapa, anak atau adik-beradik.

Faedah tuntutan bagi penyakit yang membawa maut atau hilang seluruh keupayaan yang berkekalan akan dibayar kepada anda. Bagi pemegang polisi yang kurang upaya akal, tuntutan akan dibayar kepada timbalan selaras dengan Perintah Mahkamah atau penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan yang sah.

10. Bagaimakah cara untuk saya membuat penamaan waris untuk DPS?

Sekiranya anda berusia sekurang-kurangnya 18 tahun dan ingin faedah tuntutan kematian dibayar kepada individu/organisasi tertentu pewaris, maka anda dinasihatkan supaya membuat penamaan waris dengan mengemukakan borang penamaan waris DPS (tersedia di laman web kami) kepada kami. Anda boleh membatalkan penamaan waris dengan membuat penamaan yang baru.

11. Apakah itu Surat Kuasa Berkekalan?

Surat Kuasa Berkekalan ialah sebuah dokumen undang-undang yang membolehkan individu berusia 21 tahun ke atas (pemberi kuasa – donor), dan yang mempunyai upaya akal untuk melantik secara sukarela seseorang atau lebih dari seorang penerima kuasa (donee) untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya apabila dia kehilangan keupayaan akal di masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai DPS, sila kunjungi laman web kami, hubungi talian hotline kami atau emel kepada kami:

Laman web: www.income.com.sg/dps-information-leaflet-malay.pdf

Hotline Pelanggan: 6332 1133

Emel: healthcare@income.com.sg